

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN TENAGA MANUSIA**

GARIS PANDUAN KAJIAN SEMULA PENGURUSAN

9 FEBRUARI 2026

**REKOD PINDAAN DOKUMEN (RPD)**

Sebarang perubahan kepada dokumen ini hendaklah direkodkan di dalam Rekod Pindaan Dokumen (RPD) seperti di bawah.

Bil	Bil. Pindaan	Butiran Pindaan	Perkara Terlibat	Muka Surat	Tarikh Kuat Kuasa
1	01	Pindaan nama Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) ke Kolej Teknologi Termaju Jabatan Tenaga Manusia (ADTEC JTM) dan ILJTM kepada ADTEC JTM	-	2-7	Feb 2026
2	02	Tambahan helaian Akronim	-	3	Feb 2026
3	03	Pindaan Perkara 2 (Latar Belakang)	2	4	Feb 2026
4	04	Pindaan nama ADTEC Melaka kepada Institut Teknologi Automotif Termaju PROTON (PROTON Advanced Automotive Technology Institute (PROTON Institute))	3	5	Feb 2026
5	05	Tambahan Perkara 4 (Pelaksanaan Kajian Semula Pengurusan)	4	5	Feb 2026
6	06	Tambahan Jadual Proses Kerja dan Carta Alir Pelaksanaan Kajian Semula Pengurusan (KSP)	Lampiran 1	9-12	Feb 2026

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
TUJUAN	4
LATAR BELAKANG	4
TAKRIFAN	4
PELAKSANAAN KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (KSP)	5
KUATKUASA GARIS PANDUAN	8
PEMBATALAN	8
LAMPIRAN	9

GLOSARI AKRONIM

Singkatan	Nama Penuh
ADTEC JTM	Kolej Teknologi Termaju Jabatan Tenaga Manusia (Advanced Technology Training Center - ADTEC JTM)
BKT	Bahagian Kawalan Teknikal
JTM	Jabatan Tenaga Manusia
KSP	Kajian Semula Pengurusan
MKSP	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
SPK	Sistem Pengurusan Kualiti
KP	Ketua Pengarah
TKP	Timbalan Ketua Pengarah
P	Pengarah

1. TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan menjelaskan prosedur dan tanggungjawab pihak pengurusan Jabatan Tenaga Manusia (JTM) dan semua kampus ADTEC JTM untuk mengkaji dan menilai semula pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) bagi memastikan kesesuaian, kecukupan dan keberkesanannya.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) perlu dikendalikan dengan cekap dan berkesan supaya Sistem Pengurusan Kualiti sentiasa berkesan dan sesuai dilaksanakan.
- 2.2 P ADTEC JTM bertanggungjawab mengadakan Kajian Semula Pengurusan di peringkat Kampus ADTEC JTM dan TKP JTM bertanggungjawab mengadakan Kajian Semula Pengurusan di peringkat Ibu Pejabat JTM.
- 2.3 KP JTM pula bertanggungjawab mengadakan Mesyuarat Induk Kajian Semula Pengurusan JTM bagi menjamin kesesuaian, kecukupan serta keberkesanan yang berterusan serta sejajar dengan hala tuju Pelan Strategik JTM.

3. TAKRIFAN

Dalam panduan ini:

“Jabatan” bermaksud Jabatan Tenaga Manusia (JTM).

“JTM” bermaksud semua pejabat dan bahagian di ibu pejabat dan semua kampus latihan di bawah Jabatan Tenaga Manusia yang terdiri dari Kolej Teknologi Termaju

Jabatan Tenaga Manusia (ADTEC JTM), Institut Teknikal Jepun-Malaysia (JMTI) dan Institut Teknologi Automotif Termaju PROTON (PROTON Advanced Automotive Technology Institute - PROTON Institute)

“P(ADTEC JTM)” bermaksud Pengarah-pengarah di seluruh kampus ADTEC JTM yang terdiri daripada Pengarah dari Kolej Teknologi Termaju Jabatan Tenaga Manusia (ADTEC JTM), Institut Teknikal Jepun-Malaysia (JMTI) dan Institut Teknologi Automotif Termaju PROTON (PROTON Advanced Automotive Technology Institute - PROTON Institute)

“TKP JTM” bermaksud Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Manusia;

“KP JTM” bermaksud Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Manusia;

“KSP” bermaksud Kajian Semula Pengurusan;

“Mesyuarat KSP” bermaksud Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan yang dipengerusikan oleh TKP JTM di peringkat KSP Ibu Pejabat dan P (ADTEC JTM) di peringkat Kampus ADTEC JTM;

“Mesyuarat Induk KSP” bermaksud Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan yang terdiri dari P(ADTEC JTM) dan ahli dari Ibu Pejabat JTM yang dipengerusikan oleh KP JTM.

4. PELAKSANAAN KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (KSP)

Kajian Semula Pengurusan (KSP) dilaksanakan bagi menilai semula pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) dari aspek kesesuaian, kecukupan, dan keberkesannya. Proses ini dilaksanakan secara sistematik melalui mesyuarat yang membincangkan input dan output kajian berdasarkan prestasi semasa serta keperluan penambahbaikan. Peranan dan tanggungjawab bagi setiap proses kerja merujuk kepada **Lampiran 1**.

4.1 MESYUARAT KSP PERINGKAT JTM / ADTEC JTM.

- i. Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) dilaksanakan di peringkat JTM / ADTEC JTM yang dipengerusikan oleh TKP JTM / P ADTEC JTM untuk menganalisis input KSP. Hasil analisis ini kemudiannya dibentangkan dalam Mesyuarat Induk KSP di Ibu Pejabat yang dipengerusikan oleh KP JTM, sebagai asas bagi tindakan penambahbaikan berterusan dan penetapan keputusan pengurusan strategik.
- ii. Mesyuarat KSP peringkat Ibu Pejabat JTM / ADTEC JTM perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun berdasarkan perancangan yang dirancang;
- iii. Mesyuarat KSP peringkat Ibu Pejabat JTM dan ADTEC JTM perlu dilaksanakan terlebih dahulu sebelum Mesyuarat Induk KSP dengan membuat analisa status Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) berdasarkan input dan output seperti berikut :

A. Input KSP

- a. Status tindakan daripada kajian semula pengurusan sebelumnya;
- b. Perubahan terhadap isu luaran dan dalaman yang relevan terhadap SPK termasuk hala tuju Pelan Strategik;
- c. Maklumat prestasi dan keberkesanan SPK, termasuk arah aliran (trend) dalam;
 - i. Kepuasan pelanggan dan maklum balas daripada pihak berkepentingan yang relevan;
 - ii. Takat di mana kualiti objektif dipenuhi;
 - iii. Prestasi proses dan keakuran produk dan perkhidmatan;
 - iv. Ketidakakuran dan tindakan pembetulan;

- v. Keputusan pemantauan dan pengukuran;
- vi. Keputusan audit;
- vii. Prestasi pembekal luaran

- d. Kecukupan sumber;
- e. Keberkesanan tindakan bagi menyatakan risiko dan peluang; dan
- f. Peluang untuk penambahbaikan.

B. Output KSP

- a. Peluang penambahbaikan;
- b. Sebarang perubahan terhadap SPK;
- c. Keperluan sumber.

4.2 MESYUARAT INDUK KSP

- i. Mesyuarat Induk KSP JTM perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun berdasarkan perancangan yang dirancang yang dipengerusikan oleh KP JTM;
- ii. Mesyuarat Induk KSP JTM dilaksanakan selepas semua input dan output diperolehi daripada laporan dan minit mesyuarat KSP di peringkat Ibu Pejabat JTM dan ADTEC JTM;
- iii. Laporan Induk KSP JTM adalah berdasarkan laporan KSP Ibu Pejabat, JTM dan KSP seluruh kampus ADTEC JTM. Mesyuarat membincangkan rumusan dan hasil analisa serta memutuskan tindakan yang perlu dilakukan untuk penambahbaikan;
- iv. Minit mesyuarat Induk KSP perlu disediakan dan diedarkan kepada ahli untuk diambil tindakan seperti keputusan mesyuarat yang telah dipersetujui;

- v. Maklum balas mengenai tindakan yang telah diambil mengikut keputusan mesyuarat perlu disediakan sebelum mesyuarat akan datang.

5. TARIKH KUAT KUASA

- 5.1 Garis panduan ini berkuat kuasa mulai 9 Februari 2026.

6. PEMBATALAN

- 6.1 Dengan berkuat kuasanya garis panduan ini, Garis Panduan Kajian Semula Pengurusan versi 28 Oktober 2022 adalah dibatalkan.

Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Manusia
Malaysia

Proses Kerja Pelaksanaan Kajian Semula Pengurusan (KSP)


Bil.	Proses Kerja	Tanggungjawab
1.	Edarkan makluman mengenai: a) Tarikh pelaksanaan KSP Induk, b) Format Kertas Kajian Semula Pengurusan (KSP); dan c) Tarikh penghantaran Kertas KSP ke Ibu Pejabat.	Urus Setia KSP Ibu Pejabat
2.	Tetapkan tarikh pelaksanaan Mesyuarat KSP (MKSP) Ibu Pejabat JTM/ ADTEC JTM.	P (ADTEC JTM) / Urus Setia KSP JTM/ ADTEC JTM
3.	Edarkan memo panggilan mesyuarat kepada semua ahli KSP Ibu Pejabat JTM/ADTEC JTM dan kumpul maklumat berkaitan: a) Status tindakan Kajian Semula Pengurusan terdahulu, b) Input KSP berdasarkan Garis Panduan Kajian Semula Pengurusan; dan c) Maklumat untuk disediakan dalam Kertas Kajian Semula Pengurusan.	Urus Setia KSP JTM/ADTEC JTM
4.	Rekod kehadiran semua peserta.	Urus Setia KSP JTM/ADTEC JTM
5.	Bentangkan di peringkat MKSP Ibu Pejabat JTM/ ADTEC JTM yang dipengerusikan oleh TKP JTM/ P ADTEC JTM: a) Maklumat prestasi, b) Keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK); dan c) Cadangan tindakan penambahbaikan.	Urus Setia/ Ahli KSP (JTM/ADTEC JTM)
6.	Sediakan minit mesyuarat (MKSP) dan edarkan minit mesyuarat yang telah disahkan oleh pengerusi mesyuarat kepada semua ahli KSP.	Urus Setia KSP (JTM / ADTEC JTM) / TKP JTM / P (ADTEC JTM)

Bil.	Proses Kerja	Tanggungjawab
7.	Hantar minit MKSP dan Kertas Kajian Semula Pengurusan ADTEC JTM ke Urus Setia KSP Ibu Pejabat.	Urus Setia KSP ADTEC JTM
8.	Kumpul minit MKSP dan Kertas KSP daripada ADTEC JTM untuk dibentangkan dalam MKSP Induk.	Urus Setia KSP Ibu Pejabat
9.	Sediakan rumusan dan analisa berdasarkan input daripada ADTEC JTM.	Urus Setia KSP Ibu Pejabat
10.	Edarkan memo panggilan mesyuarat kepada ahli KSP Induk.	Urus Setia KSP Ibu Pejabat
11.	Bentangkan: a) Rumusan, b) Hasil analisa; dan c) Cadangan tindakan penambahbaikan.	Urus Setia KSP Ibu Pejabat / Ahli KSP Induk
12.	Sediakan minit mesyuarat KSP Induk dan edarkan minit mesyuarat yang telah disahkan oleh pengerusi mesyuarat kepada Ahli KSP Induk dan P (ADTEC JTM).	Urus Setia KSP Ibu Pejabat
13.	Edarkan minit MKSP Induk kepada semua ahli KSP di ADTEC JTM sebagai rujukan dan tindakan susulan.	Urus Setia KSP Ibu Pejabat / P (ADTEC JTM)

Carta Alir Pelaksanaan Kajian Semula Pengurusan

TANGGUNGJAWAB

PROSES KERJA



TANGGUNGJAWAB

PROSES KERJA

